

## KONSEP HAD MASA DALAM TINDAKAN SIVIL: UNDANG-UNDANG DAN APLIKASI

**Marina Abdul Manap\***

Fakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa  
Universiti Melaka  
marina@unimel.edu.my

*\*Corresponding author*

---

*Received Date: 15 October 2021 Accepted Date: 25 November 2021 Published Date: 31 December 2022*

---

### ABSTRAK

Undang-undang menjadi alat untuk menyelesaikan pertikaian antara pihak-pihak sama ada pertikaian sivil mahupun pendakwaan jenayah. Beberapa perkara menjadi keperluan asas yang perlu ditentukan sebelum memulakan satu tindakan sivil. Misalnya penentuan mengenai kausa tindakan, bidangkuasa mahkamah, kaedah tindakan dan had masa tindakan. Had masa tindakan merupakan antara perkara penting dalam menentukan kesahan tindakan yang dikemukakan di mahkamah. Undang-undang utama yang berkaitan konsep had masa tindakan ini ialah Akta Had Masa 1953. Seperti undang-undang ciptaan manusia yang lain, Akta Had Masa 1953 ini juga memerlukan penambahbaikan bagi memastikan peruntukannya bersesuaian dengan keperluan semasa dan dapat mencapai matlamat keadilan. Melalui penulisan ini, penjelasan terperinci mengenai konsep had masa tindakan yang diguna pakai di negara ini dibincangkan disamping memberikan contoh-contoh yang dapat membantu kefahaman pembaca bagaimana konsep ini terpakai dalam sistem perundangan kita. Turut diperjelaskan ialah peruntukan-peruntukan baru yang dimasukkan dalam Akta Had Masa 1953 (Pindaan 2018) sebagai penambahbaikan kepada undang-undang sedia ada. Penulisan ini dihasilkan dengan menganalisis peruntukan statut, kes-kes yang telah diputuskan, jurnal-jurnal dan buku-buku berkaitan. Melalui ilustrasi-ilustrasi yang diberikan, penulisan ini diharapkan dapat memberi lebih kefahaman berhubung pemakaian konsep had masa dalam tindakan sivil khususnya menerusi peruntukan undang-undang baru yang diperkenalkan.

**Kata Kunci:** Had masa, undang-undang had masa, Akta Had Masa 1953, had masa tindakan sivil

## **CONCEPT OF LIMITATION PERIOD IN CIVIL ACTION: THE LAW AND APPLICATION**

### **ABSTRACT**

*Law becomes a tool for resolving disputes between parties either in civil disputes or criminal prosecutions. Some basic requirements need to be determined before initiating a civil action. As for the examples, the determination of the cause of action, jurisdiction of the court, modes of proceeding and the limitation period of the action. The limitation period for legal action is one of the important aspects in determining the validity of the action brought to the court. The main law related to the concept of limitation period for legal action is the Limitation Act 1953. Like other man-made laws, this act also need some improvements to ensure that its provisions are in line with current needs and to achieve justice. In this writing, a detailed explanation regarding the concept of limitation period in legal action and its application in this country are discussed with some examples that can help the readers in understanding how this concept applicable in our legal system. It also clarified some new provisions included in the Limitation Act 1953 (Amendment 2018) as an improvement to the existing law. This paper is produced by analyzing the statutory provisions, cases that have been decided, the journals and related books. With the illustrations provided, this writing is expected to provide a better understanding on the application of limitation period in civil actions especially via the new provisions introduced.*

**Keywords:** *Limitation period, law of limitation period, Limitation Act 1953, limitation period in civil action*

### **PENDAHULUAN**

Undang-undang memainkan peranan penting dalam membentuk kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat. Melalui peraturan-peraturan yang diperuntukkan dalam perundangan yang digubal oleh pihak pemerintah, terdapat kewajiban untuk pematuhan dan penetapan batasan juga had tertentu yang perlu dihormati. Ini dikaitkan juga dengan fungsi undang-undang untuk mengawal perlakuan individu dan masyarakat daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang melampaui batasan seperti pencerobohan, penipuan, penganiayaan dan sebagainya. Selain daripada itu, undang-undang juga berperanan sebagai alat untuk mencegah perbuatan-perbuatan salah dan memudaratkan khususnya apabila dikaitkan dengan aspek hukuman terhadap pesalah dan juga pampasan kepada mangsa.

Undang-undang juga menjadi panduan dan menggalakkan masyarakat untuk hidup aman damai dengan menyuburkan toleransi. Secara mudahnya, jika berlaku pertikaian dalam masyarakat, undang-undang akan dijadikan alat atau mekanisme untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Dalam pertikaian sivil misalnya kes tuntutan hutang ataupun pampasan ganti rugi atas kerosakan dan kecederaan, terdapat beberapa perkara asas yang perlu diberi perhatian sebelum mengemukakan tindakan. Selain daripada penentuan bidang kuasa mahkamah, kausa tindakan, menentukan pihak-pihak berkeelayakan membawa tuntutan kerana mempunyai *locus standi*, memastikan tuntutan yang ingin dibawa masih dalam tempoh masa yang sah juga merupakan suatu keperluan dalam memastikan tuntutan yang dikemukakan sah dan mempunyai merit untuk dibicarakan.

Penulisan ini membincangkan secara terperinci tentang konsep had masa dalam tindakan sivil dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang yang terpakai di Malaysia.

Penulisan ini turut menerangkan mengenai penambahan dan perubahan peruntukan yang dimasukkan dalam Akta Had Masa 1953 (Pindaan 2018) yang telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong pada 27 April 2018 dan diwartakan dalam Warta Kerajaan pada 4 Mei 2018. Melalui contoh-contoh yang dibincangkan, penulisan ini diharapkan dapat memberikan kefahaman yang jelas dalam memahami tentang konsep had masa tindakan dan aplikasinya dalam sistem kehakiman negara.

## **PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG HAD MASA**

Umum mengetahui bahawa sistem perundangan di Malaysia adalah dipengaruhi oleh sistem perundangan Inggeris. Tidak terkecuali, konsep had masa tindakan yang merupakan aspek penting dalam menentukan suatu tuntutan yang baik. Menurut Undang-undang Inggeris yang berasal usul daripada Undang-undang Roman, terdapat dua jenis keadaan tindakan iaitu keadaan tindakan yang tidak mempunyai sekatan had masa dikenali sebagai "*actiones perpetuae*" dan keadaan "*actiones temporali*" iaitu keadaan di mana terdapat tempoh masa yang diperuntukkan untuk memulakan tindakan (Meena Dilip, t.t). Maharaja Theodosius pada eranya telah memperkenalkan perundangan berkaitan pembatasan masa ini pada tahun 1424.

Di England, sebelum tahun 1540, tidak ada perundangan yang khusus mengenai batasan masa tindakan sehinggalah pada era pemerintahan Henry VIII yang mula memperkenalkan konsep ini dalam tuntutan berkaitan tuntutan harta. Raja James I kemudiannya memperluaskan konsep had masa ini kepada tindakan-tindakan persendirian yang lainnya dalam kurun ke 17 (Parul Jain, 2012). Perundangan pertama yang memperkenalkan undang-undang berkaitan had masa tindakan ini adalah Statut Pembatasan 1623 menetapkan tempoh masa 6 tahun bagi semua tindakan undang-undang di bawah Common Law. Ia merupakan undang-undang yang digunakan untuk tempoh selama 300 tahun sehinggalah mengalami pembaharuan pada tahun 1939 dan menjadi asas kepada perundangan mengenai had masa di England yang berkuatkuasa pada kini iaitu Akta Pembatasan 1980 (Doh Ohrenstein, 2019).

Di Malaysia, undang-undang utama berkaitan had masa bagi tindakan ini diperuntukkan dalam Akta Had Masa 1953 (Akta 254) yang berpandukan kepada Akta Pembatasan Inggeris 1939 yang kemudiannya telah digantikan dengan Akta Pembatasan 1980. Terdapat juga beberapa perundangan lain yang digunakan dalam menentukan had masa dalam tindakan undang-undang seperti Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Keterangan 1950, Akta Undang-Undang Sivill 1956 dan lain-lain. Terdapat perundangan yang berbeza berkaitan had masa tindakan di Semenanjung Malaysia dan Sabah juga Sarawak. Akta Had Masa 1953 hanya terpakai di Semenanjung Malaysia manakala isu-isu berkaitan had masa di Sabah menggunakan Ordinan Had Masa Sabah [Bab 72, (1952)] dan Ordinan Had Masa Sarawak [Bab 49, (1958)] bagi seluruh Negeri Sarawak.

Pada tahun 2018, pindaan dilakukan terhadap Akta Had Masa 1953 dengan memasukkan beberapa peruntukan baru iaitu Seksyen 6A dan Seksyen 24A serta meminda peruntukan Seksyen 29. Undang-undang ini dikenali sebagai Akta Had Masa 1953 (Pindaan 2018) dan mula berkuatkuasa setelah diluluskan oleh Parlimen pada 4.4.2018. Akta ini kemudiannya diperkenankan oleh Yang diPertuan Agong pada 27.4.2018 dan diwartakan kepada umum pada 4.5.2018.

## **MAKSUD DAN KONSEP ASAS HAD MASA TINDAKAN**

Dalam mengemukakan suatu tuntutan sivil yang berkesan menurut undang-undang, salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian adalah menentukan sama ada tindakan yang dimulakan itu layak untuk dipertimbangkan kerana mempunyai kausa tindakan yang sah dan masih dalam tempoh sah untuk membawa tuntutan itu di mahkamah (Shahrul Mizan Ismail & Yusfarizal Yusoff, 2016). Had masa dalam suatu tindakan undang-undang merujuk kepada satu lingkungan tempoh masa untuk pihak menuntut mengemukakan tuntutan atau aduannya ke mahkamah. Sekiranya suatu tindakan itu dikemukakan di luar atau melebihi tempoh yang telah diperuntukkan oleh undang-undang, mahkamah berhak untuk mengengapikan tuntutan atau aduan tersebut (LexisNexis, 2021).

Had masa tindakan adalah konsep yang diasaskan melalui peruntukan statut dan tidak mempunyai apa-apa peruntukan berdasarkan Common Law. Ini bermakna penentuan mengenai had masa sesuatu tindakan undang-undang dinyatakan dalam peruntukan statutori. Di Malaysia, statut utama bagi had masa tindakan adalah Akta Had Masa 1953 yang terpakai bagi Semenanjung Malaysia manakala Ordinan Had Masa Sabah [Bab 72, (1952)] terpakai bagi Sabah dan Ordinan Had Masa Sarawak [Bab 49, (1958)] bagi Sarawak. Seksyen 1 (2) Akta Had Masa 1953 memperuntukkan bahawa Akta ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja. Terdapat juga statut-statut lain yang memperuntukkan mengenai had masa secara spesifik bagi keadaan tertentu contohnya seperti Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Akta Undang-Undang Sivil 1956.

Istilah “*statute-barred*” juga digunakan bagi menunjukkan suatu tindakan yang ditolak mahkamah kerana telah difailkan melebihi tempoh masa yang diperuntukkan oleh statut. Dalam prosiding di mahkamah, penentuan sama ada suatu tindakan itu dihalang oleh statut kerana telah melebihi had masa atau tidak, akan ditentukan melalui tempoh masa yang diambil oleh pihak menuntut dalam memfailkan dokumen tuntutannya (Fariza Sanusi, 2021). Misalnya, jika undang-undang menetapkan tindakan mungkir kontrak perlu dibawa dalam tempoh 6 tahun dikira daripada wujudnya perbuatan mungkir kontrak, tindakan mungkir kontrak yang difailkan selepas 6 tahun misalnya pada tahun ketujuh adalah tidak berasas dan telah dihalang oleh statut. Bagi tindakan arbitrase, penentuan had masa tindakan adalah melalui perbuatan pihak menuntut menyerahkan kepada pihak dituntut suatu notis mengkehendaknya melantik atau bersetuju melantik arbitrator atau penimbang tara.

Peraturan mengenai had masa tindakan ini secara umumnya bertujuan untuk menjamin keadilan bagi kedua-dua belah pihak yang bertikai. Bukan hanya pihak menuntut mempunyai hak untuk membawa tindakan dan menguatkuasakan haknya di sisi undang-undang, malahan turut memastikan pihak yang dituntut tidak akan mengalami prejudis dan kemudaratan akibat kelengahan tindakan undang-undang oleh pihak yang menuntut (Ravi Nekoo, 2020). Dalam kes *Credit Corporation (M) Sdn Bhd lwn Fong Tak Sin [1991] 1 MLRA 293*, Hakim Besar Hashim Yeop A. Sani menyatakan:

*“[...] limitation law is promulgated for the primary object of discouraging plaintiffs from sleeping on their actions and more importantly, to have a definite end to litigation. This is in accord with the maxim interest reipublicae ut sit finis litium [in the interest of society as a whole, litigation must come to an end] that in the interest of the State there must be an end to litigation. The rationale of the limitation law should be appreciated and enforced by the Courts.”*

Kesedaran di pihak menuntut untuk memulakan tindakannya dengan kadar segera sangat penting supaya tindakan undang-undang itu dapat diselesaikan dengan segera dan tindakan litigasi tersebut dapat ditamatkan dengan jelas dan nyata (Susan Cunningham-Hill & Karen Elder, 2016). Penyelesaian pertikaian yang dilakukan secepatnya tanpa sebarang kelengahan akan memudahkan proses mendapatkan keadilan misalnya dapat mengelakkan penindasan terhadap pihak lain, memastikan kredibiliti saksi, kesahihan dokumen-dokumen pembuktian dan mengelakkan kehilangan bukti akibat tempoh masa yang terlalu lama menunggu perbicaraan tindakan. Ini bersesuaian dengan istilah "*Vigilantibus non dormientibus jura subveniunt*" yang bermaksud "*the law assists the vigilant and not one who sleeps over his rights*". Proses mendapatkan keadilan melalui undang-undang dan mahkamah akan lebih mudah dan lancar jika dilakukan dalam tempoh masa yang bersesuaian dan bertepatan.

Dalam kes *Tengku Ismail Tengku Sulaiman lwn Sia Cheng Soon [2006] 3 CLJ 556*, mahkamah menegaskan tentang kelewatan memfailkan tindakan dalam tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pihak menuntut hilang haknya kerana suatu hak yang tidak dikuatkuasakan dan dibiarkan terlalu lama dianggap tidak lagi wujud. Malahan, pihak dituntut juga memperoleh kelebihan kerana boleh menggunakan keadaan ini sebagai dalihan atau pembelaan bagi kesnya (Susan Cunningham-Hill & Karen Elder, 2016). Namun pembelaan yang hendak dikemukakan disebabkan tindakan pihak menuntut yang sedemikian (pembelaan limitasi had masa) perlu dirayukan (diplidkan). Menurut Yang Amat Arif Hakim Mahkamah Rayuan Zaleha Zahari:

*"A defence by "ambush" clearly should not and cannot be permitted to continue to form part of our procedural law when it results in an injustice to a litigant. A defendant who fails to plead a limitation defence, and allowed a case to proceed to be fought on the merits, is not to be permitted to fall back upon a plea of limitation as a second line of defence at the conclusion of trial."*

Seksyen 4 Akta Had Masa 1953 memperuntukkan tentang keperluan untuk memplidkan had masa sebagai pembelaan melalui peruntukan berikut:

***Had masa tidak akan berkuat kuasa sebagai halangan melainkan jika dirayu dengan khasnya***

*4. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh berkuat kuasa sebagai halangan bagi suatu tindakan melainkan jika Akta ini telah dirayukan dengan nyata sebagai pembelaan terhadapnya dalam apa-apa hal di mana mengikut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan prosedur sivil yang sedang berkuat kuasa pembelaan itu dikehendaki supaya dirayukan.*

Suatu tuntutan yang difailkan selepas tempoh masa untuk tindakan itu tamat adalah tindakan yang tidak berasas dan hanya membazirkan masa dan kos pihak-pihak yang terlibat. Dalam keadaan ini, pihak menuntut boleh menggunakan peluang yang ada untuk memohon kepada mahkamah agar menolak tuntutan pihak menuntut tersebut sepertimana penegasan Hakim Stephenson dalam kes *Ronnex Properties Ltd lwn John Laing Construction Ltd & Ors [1983] 1 QB 398* yang berikut:

*"There are many cases in which the expiration of the limitation period makes it a waste of time and money for a plaintiff to go on with his action. But in those*

*cases it may be impossible to say that he has no reasonable cause of action. The right cause is therefore for the defendant to apply to strike out the plaintiff's claim as frivolous, vexatious and an abuse of the process of the court".*

### PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN APLIKASI AKTA HAD MASA 1953

Akta Had Masa 1953 merupakan perundangan utama sebagai panduan menentukan bagaimana konsep had masa tindakan ini diaplikasikan. Secara umumnya had masa bagi sesuatu tindakan itu bermula dari tarikh suatu kausa tindakan undang-undang itu terakru ataupun terhasil. Dengan kata lainnya, asas untuk mengemukakan tindakan itu telah wujud dengan baik dan lengkap untuk dipertimbangkan di muka pengadilan. Contoh-contoh dan autoriti-autoriti yang dinyatakan dalam jadual di bawah akan cuba menjelaskan berkaitan tempoh masa tindakan daripada segi prinsip dan aplikasinya.

Jenis tindakan & Peruntukan	Tempoh had masa	Penjelasan
<p>1. Tindakan berkaitan kontrak (Seksyen 6 (1) (a))</p>	<p>6 tahun dari tarikh kausa tindakan terakru</p>	<p>Baa masuki kontrak jual beli motosikal dengan Taa. Motosikal telah diserahkan oleh Baa pada 2.1.2021 dan Taa perlu menjelaskan harga belian selewatnya pada 5.1.2021. Taa walaubagaimanapun gagal menjelaskan harga belian tersebut.</p> <p>Kausa tindakan terakru pada 6.1.2021 (mungkin/ kegagalan kontrak berlaku)</p> <p>Had masa tindakan <b>6 tahun</b> dan tarikh akhir untuk Baa mengemukakan tuntutan yang sah ialah pada <b>6.1.2027</b>.</p> <p><i>Vadha Ratnam lwn See Ah Tee [1994] 1 MLJ 634</i></p> <p>Melalui dua perjanjian yang ditandatangani 15.10.1975, Plaintiff beli dua bidang tanah daripada Defendan. Plaintiff memohon deklarasi dan perintah mahkamah untuk menyempurnakan pindahmilik tanah pada 23.12.1987. Defendan memohon menerusi Aturan 18 Kaedah 19 (1) (b) &amp; (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk mengeneipkan tuntutan Plaintiff.</p>

		Mahkamah memutuskan bahawa tuntutan Plaintif yang berasaskan kontrak telah dihalang oleh had masa berdasarkan Seksyen 6 Akta Had Masa 1953 kerana telah di bawa di luar tempoh had masa 6 tahun yang ditetapkan oleh undang-undang.
2. Tindakan berkaitan kesalahan Tort (Seksyen 6 (1) (a))	6 tahun dari tarikh kausa tindakan terakru	Pada 14.3 2021 Dee meminjam beberapa buah buku milik Kaa dan membawanya pulang ke kampung sempena cuti hujung semester. Tiga bulan kemudian apabila sesi pengajian baru bermula pada 22.6.2021, Dee enggan memulangkan buku-buku tersebut apabila diminta oleh Kaa. Untuk tindakan pencerobohan harta benda, kausa tindakan Kaa bermula pada 23.6.2021 dan had masa tindakan Kaa akan tamat pada 23.6.2027.
3. Tindakan untuk menguatkuasakan suatu ikatan (Seksyen 6 (1) (b))  Menguatkuasakan award (Seksyen 6 (1) (c)),  Mendapat kembali apa-apa jumlah wang menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis selain daripada penalti atau pelucuthakan atau sejumlah wang sebagai penalti atau pelucuthakan. (Seksyen 6 (1) (d))	6 tahun dari tarikh kausa tindakan terakru	Tindakan menguatkuasakan award yang diperolehi dari Mahkamah Perusahaan misalnya adalah dalam tempoh 6 tahun.
4. Tindakan untuk akaun (Seksyen 6 (2))	6 tahun dari tarikh kausa tindakan terakru	Tindakan berkenaan perkara berbangkit berkaitan akaun tidak boleh dibawa melebihi tempoh 6

		tahun dari tarikh tindakan itu terakru.
5. Tindakan terhadap apa-apa penghakiman	12 tahun dari tarikh penghakiman boleh dikuatkuasakan	J memperoleh penghakiman mahkamah agar K menjelaskan sejumlah wang kepadanya pada 10.2.2010. Tarikh akhir bagi J untuk menguatkuasakan penghakiman itu ialah pada 10.2.2022.
Tuntutan tunggakan bunga daripada hutang penghakiman (Seksyen 6 (3))	6 tahun dari tarikh bunga kena dibayar	Tuntutan tunggakan bunga daripada hutang penghakiman tidak boleh diperolehi selepas tempoh had masa enam tahun dari tarikh bunga kena dibayar, tamat.  <i>Perwira Affin Bank Bhd lwn Lim Ah Hee [2004] 2 CLJ 787</i>  Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Seksyen 6(3) Akta Had Masa 1953 terpakai dalam prosiding kebangkrapan. Satu prosiding kebangkrapan boleh dibawa dalam tempoh 12 tahun dari tarikh penghakiman mengenainya. Namun tuntutan bagi tunggakan faedah daripada hutang penghakiman hanya boleh dituntut dalam tempoh 6 tahun dari tarikh penghakiman.  Notis Kebankrapan dalam kes ini diputuskan sebagai tak sah kerana mengandungi tuntutan tunggakan faedah yang melebihi tempoh 6 tahun.
6. Tindakan untuk kecuaiian melibatkan harta benda (selain kecacatan tubuh badan) (Seksyen 6A)	3 tahun dari tarikh menyedari/mengetahui kerosakan itu	A membeli rumah daripada B pada tahun 2000. Pada 2006, A mendapati terdapat keretakan teruk pada dinding rumah. Laporan bangunan oleh perunding mendapati keretakan tersebut berlaku sejak 2004, empat tahun setelah A berpindah masuk ke



<p>Tindakan ganti rugi untuk <i>latent defect</i> (Seksyen 6A (3))</p>	<p>15 tahun dari tarikh kausa tindakan terakru                  Cth: tarikh penyerahan pemilikan kosong/serahan kunci</p>	<p>rumah itu. A mempunyai tiga tahun dari 2006 untuk mendakwa B di mahkamah atas kerosakan itu.</p> <p>Cik Bee menerima serahan milikan kosong rumah yang baru dibelinya pada tahun 2000. Cik Bee mendapati terdapat kerosakan pada rumahnya itu pada tahun 2019. Laporan daripada pihak perunding menyatakan bahawa kerosakan mula berlaku pada 2003.</p> <p>Cik Bee tidak boleh membawa tuntutan terhadap pemaju kerana telah melebihi tempoh 15 tahun dari tahun 2000 (hanya mengetahuinya pada 2019).</p> <p><i>The Ara Joint Management Body lwn Mammoth Land &amp; Development Sdn Bhd [2017] MLJU 631.</i></p> <p>Plaintif bawa tindakan <i>latent defects</i> bagi pihak para penduduk pada Oktober 2016, kira-kira 9 tahun selepas pembinaan premis The Ara Bangsar Development tersebut disiapkan iaitu pada tahun 2007. Kerosakan itu ditemui pada 2014, 7 tahun selepas pembinaan disiapkan (2007).</p> <p>Pihak pemaju menghujahkan bahawa tuntutan tersebut telah dihalang oleh had masa kerana tindakan di bawa pada 2016. Walaubagaimanapun, Hakim Lee Swee Seng menolak permohonan oleh pemaju untuk mengeneipkan tuntutan dan mengarahkan perbicaraan dengan merujuk kepada "discoverability rule" iaitu bila kerosakan itu diketahui. (2014)</p>
--	---	---

<p>7. Tindakan untuk mendapat kembali tanah (Seksyen 9 (1))</p> <p>Seksyen ini tidak terpakai untuk tindakan pelaksanaan spesifik kontrak misalnya, kontrak jual beli tanah (Nuarrual Hilal Md. Dahlan, 2002)</p>	<p>12 tahun dari tarikh kausa tindakan terakru</p>	<p>Tam dan Tun memasuki satu perjanjian jual beli sebidang tanah pada 10.6.1995. Tam telah menjelaskan keseluruhan harga belian tanah kepada Tun walaubagaimanapun Tun masih belum menyempurnakan urusan pindah milik tanah. Tam kemudiannya menghadiahkan tanah tersebut kepada Tim, anaknya.</p> <p>Pada tahun 2000 Tun cuba mendapatkan kembali tanah tersebut atas alasan dia masih pemilik sah tanah berkenaan.</p> <p>Tindakan untuk mendapatkan kembali tanah tersebut oleh Tun, adalah dalam tempoh 12 tahun. Kausa tindakan ini terakru pada tahun 2000 dan berakhir pada 2012.</p> <p><i>Cheah Kim Tong &amp; Anor lwn Taro Kaur [1989] 3 MLJ 252</i></p> <p>Plaintif, pemilik berdaftar sebidang tanah mendakwa Defendan yang mendirikan rumah sehingga memasuki kawasan tanah Plaintif. Tindakan itu dimulakan pada September 1980.</p> <p>Defendan menimbulkan isu had masa tindakan menurut Seksyen 9 (1) Akta Had Masa 1953 kerana rumahnya di bina pada tahun 1968 dan Plaintif mula menjadi pemilik berdaftar tanah berkenaan pada Julai 1980.</p> <p>Mahkamah: Berdasarkan Seksyen 9 (2) (b) Akta Had Masa 1953 dan Seksyen 341 Kanun Tanah Negara 1965, pembelaan defendan berkaitan had masa tindakan tidak berjaya. Pemilikan tanah yang</p>
---	--	---

		<p>berlawanan dalam kes ini tidak menjadi halangan kepada pemilik untuk mengambil tindakan.</p> <p><i>Peng Bee Sdn Bhd lwn Teoh Liang Teh &amp; Ors (2001) 1 MLJ 1</i></p> <p>Dua pembeli memasuki perjanjian jual beli tanah dan membayar deposit serta sebahagian bayaran harga tanah kepada tuan tanah. Tanah itu kemudiannya telah dijual kepada pihak ketiga. Tindakan untuk mendapatkan kembali tanah dibuat terhadap tuan punya tanah selepas 12 tahun.</p> <p>Mahkamah: Tuntutan pelaksanaan spesifik tanah selepas tempoh 12 tahun adalah dihalang oleh statut berdasarkan Seksyen 9 (1) Akta Had Masa 1953.</p>
<p>8. Tindakan untuk mendapatkan kembali wang cagaran gadai janji/gadaian/mendapat hasil jualan tanah (Seksyen 21 (1))</p> <p>Tindakan halang tebus berkenaan dengan harta peribadi yang digadai janji (Seksyen 21(2))</p>	<p>12 tahun dari tarikh hak untuk menerima wang itu terakru</p> <p>12 tahun dari tarikh hak untuk halang tebus itu terakru</p>	<p><i>Tan Kong Min lwn Malaysian National Insurance Sdn Bhd [2005] 3 CLJ 825</i></p> <p>Mahkamah memutuskan bahawa suatu tuntutan untuk baki wang selepas penjualan tanah yang dijamin oleh cagaran/gadaian adalah tuntutan yang tertakluk kepada peruntukan Seksyen 21 (1) Akta Had Masa bukannya tuntutan berdasarkan kontrak menurut Seksyen 6 (1). Oleh yang demikian ianya tertakluk kepada had masa 12 tahun sepertimana yang diperuntukkan.</p> <p>Tindakan halang tebus oleh pihak bank atas kegagalan peminjam menjelaskan ansuran pinjaman bercagarkan harta peribadi boleh dilaksanakan dalam tempoh 12</p>

		tahun dari Tarikh hak haling tebus itu terakru.
<p>9. Tindakan oleh benefisiari di bawah suatu Amanah berkaitan:                  (a) apa-apa fraud atau pecah amanah fraud dan yang pemegang amanah itu menjadi pihak atau mengambil bahagian; atau                  (b) bagi mendapat kembali harta amanah atau hasil jualannya yang ada dalam milikan pemegang amanah itu, atau yang diterima dahulunya oleh pemegang amanah itu dan telah disalahgunakan untuk kegunaan sendiri.                  (Seksyen 22 (1))</p> <p>Tindakan oleh benefisiari untuk mendapat kembali harta amanah atau berkenaan dengan apa-apa pecah amanah yang selain daripada pecah amanah fraud (Seksyen 22(2))</p>	<p>Tiada tempoh had masa</p> <p>6 tahun dari tarikh hak tindakan itu terakru</p>	<p><i>Palaniappa Chettiar lwn Lakshamanan Chettiar [1983] 2 MLJ 177</i>                  Tiada isu had masa tindakan dalam kes ini kerana tindakan atas fraud atau pecah amanah fraud dilakukan oleh pemegang amanah tiada tempoh had masa untuk tindakan.</p> <p>Dato Wira Nordin Mohd Amin lwn lwn Rajoo Selvappan &amp; Lain-lain [2007] 4 CLJ 421                  Mahkamah: Memandangkan tidak ada pecah amanah fraud dalam kes ini seperti yang diperkatakan terhadap pemegang amanah sebenar, tempoh had masa 6 tahun terpakai bagi kes ini.</p> <p>Tuntutan berasaskan pecah amanah untuk mendapatkan ganti rugi selain pecah amanah fraud hendaklah dalam tempoh 6 tahun. Dalam kes ini pecah amanah berlaku pada 1996 dan responden memulakan tindakan 6 tahun kemudiannya, oleh yang demikian tindakan ini telahpun melampaui had masa tindakan.</p>
<p>10. Tindakan bagi menuntut harta pusaka peribadi kepunyaan orang yang mati atau bahagian atau kepentingan di</p>	<p>12 tahun dari tarikh hak menerima bahagian atau kepentingan itu terakru 6 tahun dari tarikh bunga itu kena dibayar.</p>	<p><i>Yap Lan &amp; 4 lain lwn Kong See Kuan [2018] 1 LNS 819</i>                  Mahkamah Tinggi menolak tuntutan Plaintiff-plaintif untuk</p>

<p>dalam harta pusaka tersebut, sama ada di bawah suatu wasiat atau tidak berwasiat. (Seksyen 23)</p> <p>Tindakan untuk mendapat bayaran tunggakan bunga berkenaan dengan apa-apa legasi, atau ganti rugi berkenaan dengan tunggakan (Seksyen 23)</p>		<p>membatalkan geran probet antara lainnya atas alasan tuntutan tersebut di bawa lebih dari 12 tahun. Plaintiff-plaintiff memohon untuk diisytiharkan sebagai benefisiari selepas mengetahui bahawa mereka telah diketepikan daripada wasiat si mati menurut Seksyen 23 Akta Had Masa 1953.</p>
<p>11. Tindakan oleh orang tidak berkeupayaan (kanak-kanak atau pesakit mental) (Seksyen 24 (1))</p>	<p>6 tahun selepas ketidakupayaan berakhir atau mati (mengikut mana yang berlaku terdahulu)</p>	<p>C seorang kanak-kanak berusia 15 tahun terlibat dengan kemalangan pada tahun 2010. Tindakan boleh dimulakan bagi pihak C oleh ibu bapanya selaku wakil litigasi.</p> <p>Namun begitu jika tindakan tidak diambil pada waktu tersebut, ia masih boleh dimulakan sebaik sahaja C capai umur dewasa iaitu pada 2013.</p> <p>Had masa untuk C mengambil tindakan akan berakhir pada 2016 (6 tahun selepas ketidakupayaan berakhir).</p> <p><i>Natahlie Nordberg v Quah Thong Sai &amp; Anor [2014] MLJU 1736</i></p> <p>Seorang anak yang mengalami kecederaan dan trauma ketika dilahirkan mempunyai hak membawa tindakan dalam tempoh 6 tahun. Tindakan terhadap defendan hendaklah dimulakan melalui ibu sebagai wakil diri kanak-kanak itu.</p>
<p>Pelanjutan tempoh masa tindakan dibenarkan (Seksyen 24A)</p>	<p>3 tahun selepas ketidakupayaan berakhir</p>	<p><i>Zainon Suppian Suppiah lwn UM [2008] 7 CLJ 408.</i></p> <p>Suppian Suppiah, Plaintiff asal tindakan ini telah diambil bekerja</p>

		<p>oleh Defendan sebagai seorang pemandu bas. Dia kemudiannya didiagnos menghidap masalah schizoprenia pada tahun 1982. Dia telah diberhentikan oleh Defendan pada tahun 1983. Pada tahun 1997, Plaintiff pulih daripada masalah kesihatannya dan mengambil tindakan terhadap defendan atas pemecatan salah. Pada 1998, Suppian meninggal dunia dan tindakan diambil alih oleh anak perempuannya.</p> <p>Mahkamah memutuskan bahawa had masa tindakan tidak terpakai dalam kes ini kerana Suppian berada dalam keadaan tidak berkeupayaan semasa tempoh dia mempunyai hak untuk mengambil tindakan. (Voon Sue Huei,2020)</p>
<p>12. Penangguhan tempoh had masa sekiranya terdapat fraud atau kesilapan</p> <p>Tindakan yang tempoh had masanya ditetapkan oleh Akta sama ada:</p> <p>a) tindakan itu berasaskan fraud defendan atau ejennya</p> <p>b) hak tindakan itu tersembunyi oleh fraud mana-mana orang yang tersebut dahulu</p> <p>c) tindakan itu adalah bagi relif daripada akibat sesuatu kesilapan</p> <p>(Seksyen 29)</p>	<p>Tempoh had masa tidak akan bermula sehingga plaintif mengetahui tentang fraud atau kesilapan itu</p>	<p>Lim Yoke Kong lwn Sivapiran [1992] 2 MLJ 571</p> <p>Responden dan Perayu terlibat dalam kemalangan jalan raya. Peguam Responden tidak berjaya mengesan syarikat insurans motosikal Perayu sehinggalah tempoh had masa tindakan tamat. Perayu juga sengaja enggan tampilkan diri menyebabkan hak tindakan oleh Responden tersembunyi oleh fraud.</p> <p>Mahkamah: Tempoh had masa 6 tahun boleh ditangguhkan kerana terdapat fraud sehingga identiti syarikat insurans dikenalpasti.</p>
<p>13. Tindakan terhadap badan awam (Seksyen 2 (a) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948</p>	<p>36 bulan selepas tindakan kecuai</p>	<p>Sr Katherine Lim KH lwn. Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan Malaysia &amp; lain-lain Ors [1997] 2 CLJ 564</p>

		<p>Saman pemula difailkan bagi memohon deklarasasi bahawa penamatan perkhidmatan Plaitif adalah batal dan tidak sah. Permohonan ini telah melampaui had masa tindakan kerana melebihi tempoh 36 bulan yang diperuntukkan.</p>
<p>14. Tuntutan oleh Tanggungan (Seksyen 7 (5) Akta Undang-Undang Sivil 1956</p>	<p>3 tahun selepas kematian si mati</p>	<p>Kuan Hip Peng lwn Yap Yin &amp; Seorang lain [1965] 1 MLJ 252</p> <p>Tuntutan oleh tanggungan mesti di bawa dalam tempoh 3 tahun selepas kematian si mati.</p>
<p>15. Tuntutan Pewaris (Seksyen 8 (3) Akta Undang-Undang Sivil 1956</p>	<p>6 bulan selepas wakil mendapatkan geran probet atau surat kuasa mentadbir.</p>	<p>Lee Lee Cheng lwn Seow Peng Kwang [1960] MLJ 1</p> <p>Plaintif dalam tindakan ini adalah balu dan pentadbir harta si mati. Plaintif ambil tindakan terhadap pentadbir harta Defendan kerana memandu secara cuai hingga menyebabkan kematian suaminya pada 21.3.1956. Pentadbir harta Defendan memperoleh surat kuasa mentadbir pada 4.11.1956 dan geran pentadbiran di keluarkan pada 8.8.1957. Tindakan dibawa pada 17.2.1958.</p> <p>Mahkamah: Tempoh masa tindakan bermula pada 8.8.1957 dan tindakan yang difailkan pada 17.2.1958 adalah dihalang oleh had masa tindakan.</p>

## **PENUTUP**

Peraturan berkaitan had masa tindakan memastikan pihak-pihak dalam suatu tindakan sivil bersikap peka terhadap hak untuk membawa tuntutan dan juga hak untuk menggunakan had masa sebagai pembelaan dalam tindakan yang difailkan melampaui had masa yang ditetapkan undang-undang. Konsep had masa ini juga boleh dikaitkan dengan memberikan perlindungan kepada Defendan daripada sebarang ketidakadilan yang mungkin dihadapinya apabila berdepan dengan suatu tuntutan yang telah lapuk (terlalu lama) dan boleh dipertikaikan dari aspek kesahihan dan kesediaan bukti dan keterangannya. Ini bermakna terdapat pertimbangan yang adil bagi kedua-dua pihak yang bertikai.

Seorang Plaintiff yang ingin mengemukakan tuntutan perlu memastikan tuntutannya itu masih lagi berada dalam lingkungan tempoh masa yang sah. Jika perkara ini gagal ditentukan, Plaintiff akan berhadapan dengan risiko untuk tindakannya itu diketepikan melalui permohonan pihak Defendan yang menegaskan bahawa tuntutan Plaintiff terhadap Defendan telah dihalang oleh had masa tindakan. Dalam menggunakan kelebihan ini sebagai pembelaan, Defendan perlu menyatakan secara jelas dalam pliding pembelaannya kerana ia bukanlah kelebihan yang diperolehi secara automatik. Umumnya, had masa tindakan mula dikira apabila kausa tindakan kes tersebut dikatakan telah terakru. Misalnya, tindakan bagi tort kecuaiian boleh diambil dan kausa tindakannya telah terakru apabila telah dapat ditentukan oleh pihak menuntut siapakah yang ingin dituntut dan fakta-fakta yang jelas dan lengkap mengenai elemen-elemen penting butiran kausa tuntutannya.

Tempoh had masa tindakan juga adalah berbeza-beza berdasarkan jenis tuntutan dan terdapat juga tindakan yang tidak mempunyai had masa. Pemakaian konsep had masa tindakan bagi kes yang melibatkan satu jenis tindakan sahaja misalnya mungkir kontrak, mungkin tidak serumit kes yang terlibat pelbagai tuntutan bercampur. Had masa tindakan kes kontrak bermula dari tarikh mungkir kontrak dikatakan berlaku tanpa keperluan membuktikan kerosakan atau kerugian, manakala had masa bagi tindakan Tort misalnya kecuaiian pula bermula dari tarikh kerosakan atau kecederaan itu dialami. Oleh yang demikian amat penting untuk menentukan jenis tuntutan yang dibuat bagi menentukan tempoh had masa tindakan yang akan digunakan.

Pindaan terhadap Akta Had Masa 1953 yang dilakukan pada tahun 2018 memberikan pelanjutan tempoh masa tindakan bagi tindakan kecuaiian yang bukan melibatkan kecederaan diri. Melalui peruntukan baru yang ditambah melalui Seksyen 6A ini, pembeli rumah misalnya berpeluang untuk membawa tindakan atas kerosakan rumah yang baru diketahuinya dalam tempoh 3 tahun dari tarikh dia mengetahui mengenai kerosakan itu. Melalui seksyen ini juga dinyatakan bahawa tiada tindakan boleh dikemukakan selepas 15 tahun dari tarikh kausa tindakan terakru. Melalui peruntukan baru ini ia memberi peluang kepada pembeli rumah untuk tindakan terhadap kerosakan yang baru diketahuinya setelah beberapa menduduki rumah berkenaan dan juga menjadi galakkan kepada pihak pemaju agar lebih berhati-hati dalam pembinaan untuk mengelakkan dikenakan tindakan undang-undang pada masa hadapan.

Peruntukan Seksyen 6A juga memberikan had masa tindakan yang istimewa kepada golongan tidak berkeupayaan di mana tindakan boleh diambil dalam tempoh 3 tahun selepas ketidakupayaannya itu berakhir tetapi tindakan tidak boleh dikemukakan melebihi tempoh 15 tahun dari tarikh kausa tindakan terakru. Tidak dinafikan pindaan yang dilakukan telah memperlihatkan bagaimana undang-undang menjadi alat untuk memberikan keadilan khususnya dalam kes-kes kerosakan yang mengambil masa panjang untuk dikesan (*latent defect*).



## RUJUKAN

- Doh Ohrenstein. (2019). *Out of Time? Recent Development in Limitation*. <https://radcliffechambers.com>.
- Fariza Sanusi. (2021). *Brief Outline on Law Of Limitation*. [http://www.azharwong.com.my/?cur=page/page&id=19&title=Law\\_of\\_Limitation](http://www.azharwong.com.my/?cur=page/page&id=19&title=Law_of_Limitation) (4 Julai 2021).
- LexisNexis. *Limitation Period Definition*. (4 Julai 2021). <https://www.lexisnexis.co.uk/legal/glossary/limitation-period> . (3 Julai 2021)
- Meena Dilip (t.t). *History of Law Limitation Act1963*. [shareyouressays.com/knowledge/history-of-law-of-limitations-act-1963/119805](http://shareyouressays.com/knowledge/history-of-law-of-limitations-act-1963/119805). (3 Julai 2021)
- Nuarrual Hilal Md. Dahlan. (2002). *Had Masa bagi menuntut pelaksanaan spesifik dalam kontrak jual beli tanah*. <https://www.researchgate.net/publication/342049086> (18 Julai 2021).
- Parul Jain. (2012). *Statute of Limitation*. <https://www.britannica.com/topic/statute-of-limitations> .(4 Julai 2021).
- P. Vasudevan. (2010). *Fahami Had Masa Untuk Membawa Kes Ke Mahkamah*. [konsumerkini.net.my](http://konsumerkini.net.my). (2 Julai 2021).
- Ravi Nekoo. (2020). *Malaysian Civil Procedure and Practice*. Selangor: CLJ Publication.
- Shahrul Mizan Ismail & Yusfarizal Yusoff. (2016). *Civil Litigation in Malaysia – A Practical Guide To Drafting Pleadings*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Susan Cunningham-Hill & Karen Elder. (2016). *Civil Litigation 2017-2018*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Voon Sue Huei. (2020). *Pushing the Limit on Limitation (Part 1)*. <https://www.thomasphilip.com.my/articles/pushing-the-limit-on-limitation-part-1/> (16.7.2021)

## STATUT

- Akta Had Masa 1953 (Pindaan 2018). Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Akta Perlindungan Pengguna 1999. Petaling Jaya: International Law Book Services.

## KES-KES

- Cheah Kim Tong & Anor lwn Taro Kaur [1989] 3 MLJ 252*
- Credit Corporation (M) Sdn Bhd lwn Fong Tak Sin [1991] 1 MLRA 293*
- Dato Wira Nordin Mohd Amin lwn v Rajoo Selvappan & Lain-lain [2007] 4 CLJ 421*
- Kuan Hip Peng lwn Yap Yin & Seorang lain [1965] 1 MLJ 252*
- Lee Lee Cheng lwn Seow Peng Kwang [1960] MLJ 1*
- Natahlie Nordberg v Quah Thong Sai & Anor [2014] MLJU 1736*
- Palaniappa Chettiar lwn Lakshamanan Chettiar [1983] 2 MLJ 177*
- Peng Bee Sdn Bhd lwn Teoh Liang Teh & Ors (2001) 1 MLJ 1*
- Perwira Affin Bank Bhd lwn Lim Ah Hee [2004] 2 CLJ 787*
- Ronnex Properties Ltd lwn John Laing Construction Ltd & Ors [1983] 1 QB 398*
- Sr Katherine Lim KH lwn. Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan Malaysia & lain-lain Ors [1997] 2 CLJ 564*
- Tan Kong Min lwn Malaysian National Insurance Sdn Bhd [2005] 3 CLJ 825*

*Tengku Ismail Tengku Sulaiman lwn Sia Cheng Soon [2006] 3 CLJ 556*

*The Ara Joint Management Body lwn Mammoth Land & Development Sdn Bhd [2017] MLJU 631.*

*Vadha Ratnam lwn See Ah Tee [1994] 1 MLJ 634*

*Yap Lan & 4 lain lwn Kong See Kuan [2018] 1 LNS 819*

*Zainon Suppian Suppiah lwn UM [2008]m7 CLJ 408*